

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT DI INSMAT



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4408-majlis-pemakaian-pangkat-di-insmat

INSMAT, 22 Jan 19 - Pegawai Memerintah INSMAT, Lt Kol Mohd Amran bin Yaakob TUDM telah menyempurnakan upacara pemakaian pangkat kepada Lt M Ahmad Nadzri bin Aznan Sham TUDM yang telah dinaikkan ke pangkat Lt TUDM berkuatkuasa 19 Jan 19 di Dewan Auditorium INSMAT.



DSC 0141

Di dalam upacara tersebut Pegawai Memerintah mengingatkan bahawa pangkat dan jawatan yang diberi hendaklah digalas dengan penuh rasa tanggungjawab dan dedikasi. Beliau juga menyeru agar semua pegawai dan anggota sentiasa mengekalkan imej TUDM dan sentiasa komited dalam meningkatkan prestasi kerja bagi menjadi warga TUDM yang berketrampilan bagi merealisasikan hasrat pucuk pimpinan TUDM.

